

Apa LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Sebelum mengambil ubat anda, beritahu doktor anda jika:

- Anda ada alergi kepada apa-apa makanan, pengawet, pewarna atau ubat, terutamanya penicillin atau penicillamine.
- Anda sedang hamil atau merancang untuk hamil. Penicillamine mungkin menyebabkan kecacatan kelahiran apabila diambil semasa hamil.
- Anda sedang mengambil ubat-ubatan yang lain.
- Anda mempunyai penyakit-penyakit lain, termasuk penyakit darah yang disebabkan oleh rawatan penicillamine atau penyakit buah pinggang.

Adalah penting anda mengadakan pemeriksaan darah seperti yang dijadualkan, dan membiarkan doktor anda memeriksa perkembangan anda semasa lawatan yang tetap.

Bagaimana saya harus MENYIMPAN ubat ini?

Simpan ubat ini di dalam bekas yang kedap udara. Simpan jauh daripada haba dan cahaya matahari secara langsung.



Buangkan semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau tidak diperlukan lagi

Risalah Maklumat Untuk Pesakit



Penicillamine

MENGENAI ubat anda

Ubat ini digunakan untuk rawatan rheumatoid arthritis dan penyakit Wilson (satu keadaan yang disebabkan terlalu banyak kuprum dalam badan). Penicillamine juga digunakan untuk mencegah batu buah pinggang serta keadaan lain.

BAGAIMANA cara saya mengambil ubat?

Doktor anda akan mengarahkan anda berapa banyak dan berapa kerap anda patut mengambil ubat anda. Jangan mengambil ubat ini berlebihan atau lebih kerap daripada yang diarahkan oleh doktor.

Ubat ini paling baik diambil dalam perut kosong (sekurang-kurangnya 1 jam sebelum makan atau 2 jam selepas makan) dan sekurang-kurangnya 1 jam sebelum atau 2 jam selepas apa-apa makanan, susu atau ubat-ubatan. Jika anda sedang ambil zat besi atau persediaan vitamin, pastikan anda jangan ambil dalam masa 2 jam dari masa anda mengambil ubat ini, kerana ini mungkin akan mencegah penicillamine daripada berfungsi dengan betul.

Jika anda mengambil ubat ini untuk mencegah batu buah pinggang, anda patut minum 2 gelas air penuh sebelum tidur dan 2 gelas air penuh lagi pada waktu malam.

Jika anda mengambil ubat ini untuk rheumatoid arthritis, ini mungkin mengambil 2 hingga 3 bulan sebelum anda dapat melihat kesan. Jika anda mengambil ubat ini untuk penyakit Wilson, ia mungkin perlu mengambil 1 hingga 3 bulan sebelum anda dapat melihat apa-apa kemajuan.

Buangkan semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau tidak diperlukan lagi

Apakah yang patut saya lakukan jika SAYA TERLUPA makan satu dos?

Jika anda lupa mengambil satu dos, ambil dos ini dengan segera sebaik sahaja anda ingat. Bagaimanapun, jika sudah sampai masa untuk dos yang berikutnya, biarkan sahaja dos yang lupa diambil dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual waktu mengambil ubat. Jangan gandakan dos demi untuk mengganti dos yang terlupa dimakan itu.

Apakah KEMUNGKINAN KESAN SAMPINGAN pengambilan ubat ini?

Hubungi doktor anda dengan segera jika anda mengalami salah satu daripada kesan sampingan berikut:

- Demam atau sakit kerongkong tanpa sebab
- Pendarahan atau lebam yang luar biasa
- Ruam kulit, atau gatal kulit
- Air kencing yang keruh dan berbuih
- Perubahan dalam penglihatan

Kesan sampingan lain yang kurang teruk termasuk:-

- Hilang selera makan
- Sakit perut, mual, muntah atau cirit-birit

Simpan semua ubat di tempat yang jauh caripada kanak-kanak